

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

HIBURAN-HIBURAN BARU

MASIH banyak lagi rancangan-rancangan radio di tahun baru ini yang difikirkan perlu untuk diketengahkan dan diberikan serba-sedikit ulasan mengenainya. Di antaranya ialah mengenai rancangan-rancangan dari bahagian hiburan radio yang dalam tahun 1985 ini akan menampilkan beberapa buah rancangan radio tempatan yang tidak disenaraikan dalam rancangan tahun lepas. Berikut akan diperturunkan



DI KELUARAN minggu lalu awda pendengar telah pun mengikuti lagu-lagu pilihan daripada Dayang Linawati Sabih, alamat No. 179 Kampong Saba Darat 'B', Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam (gambar atas).

Dan keluaran minggu ini pula, awda pendengar berkesempatan untuk menikmati lagu-lagu pilihan Dayang Masrinah Hj Kadir (bawah) alamat No. 36 Kampong Saba Laut, Bandar Seri Begawan tarikh keluarannya hari Selasa 15 Januari 1985 jam 4.00 petang.



satu demi satu rancangan yang dimaksudkan.

Bagi pendengar-pendengar radio yang mengikuti siaran radio sejak tahun 60-an dan 70-an dulu, pasti masih ingat ataupun sudah ingat-ingat lupa akan pertandingan Bintang Radio yang pernah dianjurkan oleh Bahagian Melayu Radio ketika itu. Untuk mengenang mereka yang pernah menyedag juara Bintang Radio itulah timbul sebuah rancangan hiburan yang mengetengahkan semula rancangan yang diberi nama Suara Dari Bintang-Bintang. Dengan adanya rancangan ini, radio berharap 'bintang-bintang' yang bertaburan itu akan dapat memberikan sinarnya kembali dan tidak akan malap ditelan zaman ataupun sekurang-kurangnya radio dapat menyalurkan penghargaan kepada penyanyi-penyanyi angkatan lama dan tidak membiarkan mereka hilang terus dari arena yang pernah mereka ceburi.

Yang lama selalunya diganti dengan yang baru. Kalau tadi kita kemukakan sebuah rancangan yang mengetengahkan semula orang-orang yang sudah lama berkecimpung dalam arena seni suara tanahair, rancangan Penyanyi Harapan pula akan mengemukakan ke hadapan pendengar radio, penyanyi-penyanyi bakat baru, yang belum begitu 'kebilangan' nama mereka. Tidak mustahil dengan penampilan mereka melalui rancangan ini nanti mereka akan menjadi sebutan di kalangan anak-anak muda atau juga di bibir angkatan yang lebih dewasa. Semua itu adalah suatu kemungkinan.

Selaku Merpati pula, adalah sebuah rancangan yang khas memuatkan nyanyian Paduan Suara di antara teruna dan dara. Tidak dilupakan juga kumpulan-kumpulan gitar rancak. Mereka diberi peluang untuk mengasah

kebolehan mereka di bidang muzik ini melalui rancangan Suara Kugiran. Rancangan ini sebenarnya bukanlah pertama kali diunggulkan oleh Bahagian Melayu Radio, tapi merupakan rancangan yang diperbaharui semula.

Hasrat radio untuk berbakti dan menghibur segenap lapisan masyarakat dari angkatan tua dan muda sebolehnya akan ditepati. Rancangan hiburan yang khusus untuk kanak-kanak yang dinamakan Dendang Si Alai juga telah diusahakan penerbitannya. Tujuannya adalah serupa dengan rancangan-rancangan yang disebutkan tadi. Cuma bezanya Dendang Si Alai membuat pengasuhan dan memupuk bakat lebih awal lagi ataupun jika hendak diibaratkan seperti buluh, bakat itu mula diasuh ketika waktu rebung lagi.

Rancangan Muzika Tanahair pula menampilkan penglibatan masyarakat berbilang-kaum yang ada di negara kita. Puak-puak itu masing-masing mempunyai adat dan kebudayaan yang tersendiri dan kaya dengan unsur-unsur keasliannya. Di antara puak-puak itu adalah Puak Dusun, Kedayan, Punan dan sebagainya. Muzik yang sebahagian besarnya berirama lemah-ge-malai seperti Najdong, Adai-Adai, Tamarok dan bermacam-macam lagi adalah merupakan muzik tradisi kita yang dalam firasat radio, jika tidak diketengahkan semula, ianya mungkin saja akan hilang ditelan zaman yang setiap detik menerima pembaharuan tanpa mengira dari arah mana haluanannya.

Demikianlah beberapa buah rancangan baru terbitan radio khusus dari bahagian hiburan untuk terbitan di tahun baru 1985 ini. Kami, ucapkan selamat mengikuti dan berhibur dengan rancangan-rancangan yang disediakan.

Muzika Tanahair

RANCANGAN ini dipersembahkan kependengaran awda khusus buat peminat-peminatnya, rancangan ini ke udara dua kali seminggu setiap hari Jumaat jam 9.30 pagi dan awda berpeluang lagi mengikuti ulangannya setiap hari Rabu jam 2.30 petang. Inilah salah satu pemandangan ketika rakaman rancangan tersebut dibuat di studio A RTB.



DAYANG Zaiton Ali telah berjaya menjadi Juara Bintang Aslirama 1984, Dayang Zaiton, peserta dari Daerah Belait telah mengalahkan sembilan orang peserta yang lain dalam pertandingan akhir Bintang Aslirama yang telah disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen dari Dewan Raya pada 28 Disember yang lalu.

Naib johan dimenangi oleh Awang Zulkifli bin Tengah dan pemenang ketiga ialah Dayang Salmaya binti Haji Md Hussain. Kedua-dua peserta tersebut ialah dari Daerah Brunei-Muara.

Ini adalah kali pertama peserta perempuan menjadi juara dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Radio dan Televisyen Brunei sejak tiga tahun yang lalu.

Gambar atas: Pemangku Pengarah RTB, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menyampaikan Oskar Kejuaraan kepada Dayang Zaiton Ali.

"MENANTU PILIHANNYA"

— tajuk sandiwara radio minggu ini

MEMANG sudah menjadi lumrah manusia memandang mulia pada yang berada dan menghina pada mereka yang serba kekurangan. Demikianlah halnya dengan watak Haji Mulok yang lebih merasa senang menolak pinangan orang terhadap anaknya Mayang, demi mencapai niatnya hendak bernenantukan orang yang berada. Sandiwara "MENANTU PILIHANNYA" adalah hasil tulisan Yahya A.T., Negara Brunei Darussalam.

Haji Mulok berkenan benar untuk menjodohkan anaknya dengan Erwan, seorang yang mengakui dirinya seorang pegawai. Hanya kerana percaya Erwan berpegang besar, Haji Mulok bermati-matian memaksa anaknya untuk berkahwin dengannya walaupun Mayang diketahuai sudah membuat pilihan sendiri.

Walaupun macam mana keras pun hati Mayang untuk melawan kehendak ayahnya, tapi akhirnya dia dan ibunya tidak dapat berbuat apa-apa. Mereka terpaksa tunduk pada kemahuan Haji Mulok. Sikap Haji Mulok itu pula telah menimbulkan kesedaran terhadap Badar untuk memperbaiki nasibnya. Daripada hanya menjadi seorang mekanik, ia berazam untuk melanjutkan pelajarannya sehingga mendapat sijil yang mungkin akan mengubah nasibnya dan pandangan Haji Mulok terhadapnya.

Untuk mencapainya ia terpaksa berpindah ke bandar. Apabila Badar berada di bandar, Haji Mulok mene-

ruskan rancangannya mengehwin Mayang dengan Erwan pilihannya. Malangnya apa yang diharap-harapkannya selama ini ternyata berbeza sama sekali dari apa yang dimahukannya.

Siapakah sebenarnya Erwan? Benarkah ia seorang pegawai tinggi seperti yang

dibangga-banggakan oleh Haji Mulok? Mengapa pula keadaan bertukar setelah ia berkahwin dengan Mayang? Dengarkanlah siarannya pada 13 Januari, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Zainab Haji Mohd. Taha.

Resipi Minggu Ini:

Udang Cendawan

BAHAN-BAHANNYA:—

- 2 kati udang yang besar
- 4 tahl cendawan
- 5 ulas bawang merah
- 5 ulas bawang putih
- 2 labu bawang besar
- 2 sudu besar air limau nipis
- 1 cawan lada kering (dikisar)
- 1 cawan minyak makan
- 1 cawan tomato sos
- 1 cawan tomato puri
- 1 cawan kacang tanah serbuk
- 4 biji cili hidup merah
- 1 tin kacang merah
- 1 biji nanas
- 4 biji tomato
- 4 keping tauhu goreng

sedikit serai, lengkuas, belacan, gula dan garam ikut selera.

CARA-CARA MEMBUAT-

NYA:—

Udang buang janggutnya dan kulitnya, keluarkan pe-

rutnya dan bersihkan. Cendawan dibersihkan biarkan sekuntum-sekuntum. Gaulkan dengan sedikit garam lalu dikukus sampai masak. Sementara itu panaskan periuk tuiskan bawang-bawang yang dihiris serta serai dan lengkuas yang sudah ditumbuk halus. Gaulkan rempah-rem-pah lain, masukkan ke dalam tumisan tadi dan kacaukan, bubuhlah asam limau, tomato puri, tomato sos dan kacang tanah masukkan anggaran 1 cawan air, akhir sekali masukkan gula dan garam bila masak angkat. Nanas dikupas tebukkan di tengahnya, lalu cucukkan udang di kulitnya kemudian hiaslah dengan cendawan di tepi-tepi pinggan dan kacang pes merah serta hiaskan lada dan daun bawang lalu tumpahkan kuahnya di dalam lubang nanas tadi.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGAWAS

GEMBALA KUDA :

Tanggungaji : C.1-2 EB.3—\$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mestilah brumur di antara 18 hingga ke 40 tahun.
- i) Mestilah mempunyai Diploma dalam Pengurusan Kandang atau Pentadbiran ataupun kelulusan/kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dan mempunyai pengalaman dalam pengurusan kandang sekurang-kurangnya 5 tahun.

ATAU

- Mestilah terdiri dari Pengembara Kuda Kanan yang telah pun ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai kebolehan dan pengalaman di dalam pengurusan kandang

(termasuk pemeliharaan dan pengendalian kuda-kuda dan menjalankan rawatan terhadap kuda-kuda yang sakit) serta pengurusan dan penyediaan kakitangan).

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

2. GEMBALA KUDA

KANAN :

Tanggungaji : D.3-4 EB.5—\$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mestilah berumur di antara 18 hingga ke 40 tahun;
- Mestilah terdiri dari Gembala yang telah pun ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi yang memuaskan.
- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaruan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tam-

bang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 21 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 266/1984) (E/286/84).

Telecommunications Department

Tender Notice

TENDERS are invited for the SUPPLY AND DELIVERY OF TELEPRINTERS.

- Tenders will be received by the Chairman Tender Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12 noon on 11th. February, 1985. Tenders received after the said time and date will be rejected.
- Tenderers must submit a sample of all of the items called in this tender to be delivered at the Suppliers expense to the Director of Telecommunications, Telephone House, Jabatan Telekom Negara Brunei Darussalam not later than 14 days after the closing of the tender.

Tenders which are not supplied with sample will be invalid. Deposit will be forfeited for invalid Tenders.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF TELEPRINTERS

Tender Ref : JTB/STE/E/1/85

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$1000.00.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Telecommunications Department

Tender Notice

PROJECT No. P2162/1092

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for CONSTRUCTION OF CABINET BASE, JOINT BOXES EXCAVATIONS AND LAYING OF DUCT PIPES AND DEMOLITION OF NON STANDARD JOINT BOXES.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 28th. January, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT QUOTATION FOR PROJECT P2163/1092.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of \$500 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 9.00 hours on 15th. January, 1985 at the Telecom Headquarters building in Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

SEBAGAI TUKANG LUKIS

Akitek sekurang-kurangnya 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas :

Kepada Tukang Lukis Kanan dan membantu beliau dalam kerja-kerja melukis semula pelan yang kurang sesuai dan tidak lengkap. Menyediakan pelan-pelan bagi set-set yang ada dalam simpanan. Juga membuat pelan yang dikehendaki bila-bila masa.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu

Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 18 Februari, 1985.

(Bilangan iklan : 271/1984) (E/939/74).

RADIO TELEVISION BRUNEI

TENDER NOTICE

Conditions of Tender

- TENDERS should be submitted to the Chairman of the Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than twelve noon on Monday, 28th January, 1985.
- Tenders received later than the above date shall not be considered.
- Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer, however, the reference number of the tender must be clearly indicated.
- Tender documents, where applicable, or further information may be obtained on application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Where tender documents are issued, tender returns must be made on the forms provided.
- Where a tender deposit is required this will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tenders.
- All tenders, which should provide the net C.I.F. by air-freight price, must also quote the latest shipment date for the goods. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of the Director of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.
- Warranty period and conditions shall be clearly stated in any tender.
- Tenderers agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.
- Goods are not to be consigned directly to Radio Television Brunei from an overseas Manufacturer or Supplier and therefore must include 20% Import Duty.
- The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

NOTICE OF TENDER

TENDER No. RTB/1/85 — SUPPLY OF RS COMPONENT PARTS FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

1. Tenders are invited from local suppliers, agents and distributors of RS Components Ltd. for the tender as specified:

SUPPLY OF RS COMPONENT PARTS FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

2. Tender must collect tender document from the office of Superintendent Engineer, Radio Television Brunei. On collection of tender document a deposit of B\$200.00 shall be required.

3. Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Brunei.

ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDER NOTICE

No. 1/1985

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 4th. February, 1985.

PRINTED POLYPROPYLENE STRAPPING BAND

2. Tender specifications and sample are obtainable from Head of Logistic/Procurement, Police Headquarters, Gadong.

3. Price to be quoted CIF Brunei and deliver to Police Headquarters, Gadong.

4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked :—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF PRINTED POLYPROPYLENE STRAPPING BAND."

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Telecommunications Department

Tender Notice

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for CONSTRUCTION OF CONCRETE MAINHOLES, CABINET BASES, FOOT WAY JOINT BOXES — EXCAVATIONS AND INSTALLATION OF DUCT PIPES.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 21st. January, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

P 2163/3

CAB 5 AREA CABLE DISTRIBUTION JALAN GADONG.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 9.00 hours on 8th. January, 1985 at the Ground Floor of Telecoms Headquarter Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tenders will not be accepted from contracts who atteded the joint on site inspection.

NOTIS TAWARAN

MENCETAK MAJALAH MEKAR DBP

BIL. : (1) 1985

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1. Penentuan-penentuan (specifications) mengenai majalah ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurong sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK MAJALAH MEKAR DBP BIL. (1) 1985.

3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti

Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada :

Lembaga Tawaran, Pengerusi d/a Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Januari, 1985.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.